

Mohd Rafi Yaacob  
Mohd Rosli Mohamad

# USAHAWAN KECIL MELAYU

*Isu dan Penyelesaian*



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# USAHAWAN KECIL MELAYU: ISU DAN PENYELESAIAN

Mohd Rafi Yaacob  
Mohd Rosli Mohamad

Tidak dibenarkan menciplak atau mencetak kembali mana-mana bahagian isi buku ini elektronik, fotokopi, mekanik rakaman, atau yang lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada  
**PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**  
terlebih dahulu.

ISBN 978-967-5782-57-2

Diterbitkan oleh:  
Universiti Malaysia Kelantan  
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa,  
16100 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel: 09-7717181 Faks: 09-7717182

Reka bentuk, atur huruf dan diurus cetak oleh:  
Rimbunan Ilmu Sdn.Bhd.  
No. 92-G, 92-1, 92-2, Blok 2,  
Wisma Salleh Saidin,  
Jalan Dwi Tasik, Dataran Dwi Tasik,  
Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.

## KANDUNGAN

Penyumbang	v
Kata Aluan Naib Canselor UMK	vi
Penghargaan	vii
Prakata	viii

## BAHAGIAN 1

### PENGENALAN

- |   |    |
|---|----|
| 1. Perkembangan Global, Daya Saing dan Usahawan Melayu<br><i>Mohd Rosli Mohamad dan Rosman Mahmood</i>  | 2  |
| 2. Usahawan Muslim dalam Era Globalisasi: Cabaran dan Penyelesaian<br><i>Mohd Zulkifli Muhammad, Mohd Faisol Ibrahim, Goh Say Leng dan Tamrin Amboala</i> | 39 |

## BAHAGIAN 2

### POLISI, SISTEM DAN ORGANISASI

- |   |     |
|---|-----|
| 3. Program Mikrokredit dan Keusahawanan Kecil<br><i>Rosman Mahmood dan Mohd Rosli Mohamad</i>   | 59  |
| 4. Usahawan Dan Sistem Akaun Perniagaan<br><i>Wan Mohd Nazif Wan Mohd Nori</i>  | 97  |
| 5. Keusahawanan Antarabangsa bagi Enterpis Kecil dan Sederhana Melayu: Peranan Jaringan dalam Penerokaan Ke Pasaran Global<br><i>Zizah Che Senik, Rosmah Mat Isa, Nor Liza Abdullah, Ridzuan Md Sham, dan Wan Fauziah Wan Yusoff.</i> | 116 |

## BAHAGIAN 3

### MODEL KEJAYAAN KEUSAHAWANAN

- |  |     |
|--|-----|
| 6. Model Usahawan Melayu Berjaya dalam Industri Kitar Semula Di Pantai Timur Semenanjung Malaysia<br><i>Mohd Rafi Yaacob</i> | 136 |
|--|-----|

7. Usahawan Kraf Di Malaysia: Analisa Laluan Terhadap Perhubungan Inovasi Produk, Komitmen Perniagaan, Dan Perkembangan Perniagaan <i>Muhammad Abi Sofian Abd Halim, Shaladin Muda dan Wan Abdul Aziz Wan Mohd Amin</i>	153
8. Model Pembangunan Pemasaran Islam untuk Peniaga Muslim <i>Ida Nadia Hamidon</i>	171

## BAHAGIAN 4

### KAJIAN KES

9. Kepuasan Pengguna Terhadap Produk Makanan dan Minuman Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Di Changlun, Kedah <i>Ida Nadia Hamidon</i>	189
10. Ciri-Ciri Personaliti dan Kerohanian Usahawan Muslim: Tinjauan Awal dalam Kalangan Usahawan Mikro Di Kelantan <i>Mohd Zain Mubarak, Asyraf Abdul Rahman dan Mohd Rafi Yaacob</i>	203
11. Kajian Tinjauan Profil Usahawan serta Keperluan dan Masalah dihadapi Usahawan Kecil Sederhana Negeri Kedah <i>Filzah Md Isa dan Siti Norezam Othman</i>	239
12. Kesanggupan Graduan Melayu Menjadi Usahawan <i>Norudin Mansor dan Zalinawati Abdullah</i>	261



**Asyraf B. Abdul Rahman**, PhD, Prof. Madya, Fakulti Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu.

**Filzah Md Isa**, PhD, Prof. Madya, Sekolah Pengurusan Perniagaan Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia.

**Goh Say Leng**, Pensyarah, Sekolah Sains Informatik, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan.

**Ida Nadia Binti Hamidon**, Pensyarah, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan.

**Mohd Faisol Ibrahim**, PhD, Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia.

**Mohd Rafi Yaacob**, PhD, Prof. Madya, Fakulti Keusahawanan Dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan.

**Mohd Rosli Mohamad**, PhD, Prof. Madya, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan.

**Mohd Zain B. Mubarak**, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan.

**Mohd Zulkifli Muhammad**, Pensyarah Kanan, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan.

**Muhammad Abi Sofian Abd Halim**, PhD, Pensyarah, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara Terengganu.

**Nor Liza Abdullah**, PhD Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Norudin Mansor**, Prof. Madya, Fakulti Pengurusan Perniagaan Universiti Teknologi Mara Terengganu.

**Ridzuan Md Sham**, Pensyarah Kanan, Mfi, Unikl

**Rosmah Mat Isa**, PhD, Prof. Madya, GSB, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Rosman Mahmood**, PhD, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara Terengganu.

**Shaladin Muda**, PhD, Profesor, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu.

**Siti Norezam Othman**, PhD, Pensyarah Kanan, Sekolah Teknologi Pengurusan dan Logistik, Universiti Utara Malaysia.

**Tamrin Amboala**, Pensyarah, Sekolah Sains Informatik, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan.

**Wan Abdul Aziz Wan Mohd Amin**, PhD, Prof. Madya, Fakulti Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu.

**Wan Fauziah Wan Yusoff**, PhD, Prof. Madya Kanan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

**Wan Mohd Nazif Wan Mohd Nori**, PhD, Pensyarah Kanan, Fakulti Perakaunan, Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi Mara Terengganu.

**Zalinawati Abdullah**, Pensyarah, Fakulti Pengurusan Perniagaan Universiti Teknologi Mara Terengganu.

**Zizah Che Senik**, PhD, Prof. Madya, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## KATA ALUAN NAIB CANSELOR UMK

Assalamualaikum

Saya mengucapkan syabas kepada Profesor Madya Dr. Mohd Rafi Yaacob dan Profesor Madya Dr. Mohd Rosli Mohamad dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan yang terlibat dalam penyuntingan buku ini yang bertajuk "Usahawan Kecil Melayu – Isu dan Penyelesaian". Tidak dilupakan juga ialah pensyarah-pensyarah dari pelbagai universiti yang menyumbangkan tulisan mereka dan juga Penerbit Universiti Malaysia Kelantan yang menerbitkan buku ini.

Buku ini menyentuh pelbagai isu yang membelenggu usahawan Melayu dari pelbagai sudut antara lain seperti kelemahan pemasaran, pasaran yang terbatas di peringkat tempatan dan kelemahan dalam menghayati ajaran Islam dalam menjalankan aktiviti 'perniagaan'. Seterusnya, buku ini memberi pelbagai cara penyelesaian contohnya dengan mengambil peluang-peluang yang ada dan seterusnya menggunakan model-model tertentu sebagai panduan. Amnya, buku ini secara langsung atau tidak menjelaskan bahawa isu yang dihadapi oleh usahawan Melayu bukanlah permasalahan etnik, sebaliknya kelemahan teknikal. Isu ini boleh ditangani jika usahawan Melayu gigih mempelajari ilmu keusahawanan dan mempunyai ciri-ciri usahawan berjaya.

Selaras dengan hasrat Perdana Menteri yang ingin melahirkan lebih banyak usahawan Melayu berjaya, penerbitan buku ini diharap menjadi pemangkin yang dapat mendokong hasrat kerajaan untuk membuka minda orang Melayu terutamanya generasi muda untuk menjadikan usahawan pilihan kerjaya utama dan bukannya memilih untuk bekerja dengan kerajaan mahupun syarikat swasta. Justeru, budaya keusahawanan akan sinonim dengan budaya Melayu.

Wassalam

*Profesor Datuk Dr. Raduan Hj. Che Rose*



## PENGHARGAAN


Ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak terutamanya kepada Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan, Profesor Datuk Dr. Raduan Hj. Che Rose dan mantan Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Profesor Dr. Mohamed Dahlan Ibrahim yang memberi dorongan dan sokongan penuh kepada kami dan rakan-rakan pensyarah di Universiti Malaysia Kelantan untuk menghasilkan buku bacaan ilmiah mahupun umum sebagai rujukan.

Seterusnya, sokongan yang diberi oleh penyumbang bab-bab dalam buku dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan di Universiti Malaysia Kelantan dan juga dari pelbagai universiti di Malaysia. Tanpa sumbangan mereka buku ini tidak dapat dihasilkan.

Ucapan terima kasih kepada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan, Azman Bin Hashim dan Amirul Firdaus Zilah yang memberi kerjasama sepenuhnya dalam penerbitan buku ini. Akhir sekali, tidak lupa juga ucapan ribuan terima kasih kepada ibu bapa, isteri dan anak-anak kami dan juga ahli-ahli keluarga kami yang telah banyak memberi sokongan padu dan semangat yang utuh dalam menjayakan buku ini. Mereka sebenarnya banyak berkorban, memahami tugas kami sebagai pensyarah yang banyak menghabiskan masa dengan buku-buku dan kerja-kerja pentadbiran, pengajaran dan penyelidikan, saya ucapkan ribuan terima kasih.

*Mohd Rafi Yaacob, PhD*

*Mohd Rosli Mohamad, PhD*



## PRAKATA

Menoleh ke belakang, Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu) yang disiapkan oleh Tun Seri Lanang pada tahun 1612 merupakan catatan agung tentang kebangkitan, kegembilan dan kejatuhan bangsa Melayu. Walaupun karya beliau sangat sedikit menyentuh tentang ekonomi Melayu, kehebatan kaum Melayu pernah terserlah dalam bidang pentadbiran, politik antarabangsa dan sosio-budaya. Malangnya, kedatangan penjajah yang bertali arus sejak kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511 menyebabkan kaum Melayu seakan-akan menjadi “penumpang” di tanahair mereka sendiri. Sehingga Malaya mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kaum Melayu terus dipinggirkan di kawasan pedalaman dan kampung-kampung tradisi sebagai nelayan, petani, pekebun kecil atau pemungut hasil hutan. Sebaliknya kaum pendatang yang dibawa oleh Penjajah Inggeris ditempatkan di kawasan bandar atau dilibatkan dalam aktiviti ekonomi yang berpendapatan lebih tinggi seperti sektor perlombongan, komoditi eksport, pembinaan, perkhidmatan awam dan perniagaan. Oleh itu tidak menghairankan dalam pada Malaya meraikan kemerdekaan, isu utama yang membekalkan kaum Melayu pada masa itu ialah isu kemiskinan dan ketidakseimbangan ekonomi.

Isu sosio-ekonomi yang masih belum menyebelahi kaum Melayu terus diperdebatkan secara formal atau tidak formal. Walaupun Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) dan dasar-dasar pembangunan selepasnya telah banyak meningkatkan status sosio-ekonomi kaum pribumi ini, isu kemiskinan, ketidakseimbangan pendapatan dan pencapaian ekonomi yang tidak menggalakkan masih berkait rapat dengan orang-orang Melayu. Dalam bidang perniagaan, kebanyakan usahawan Melayu masih terperangkap dalam saiz perniagaan yang bersifat mikro, jenis industri dan pasaran yang kurang berdaya saing, serta ketidakupayaan mencipta nilai tambah dalam produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Kewujudan pelbagai isu global dan tempatan dewasa ini, jika tidak ditangani dengan bijaksana, akan menambah parahkan lagi kedudukan usahawan Melayu. Selaras dengan semangat jihad, pendedahan hasil kajian dalam buku ini diharapkan mampu menyediakan sedikit vitamin demi kelangsungan hidup dan daya saing kaum Melayu secara umumnya dan usahawan kecil Melayu secara khususnya.

Buku ini bersifat kontemporari kerana ia membangkitkan pelbagai isu dan penyelesaian semasa dalam dunia keusahawanan, khususnya keusahawanan kecil Melayu. Sebagai pembuka bicara, Mohd Rosli Mohamad dan Rosman Mahmood dalam Bab 1 memaparkan isu perkembangan global dan serantau yang mungkin memberi peluang dan ancaman kepada usahawan Melayu. Beliau berhujah bahawa keupayaan daya saing hanya satu-satu jalan yang perlu diberi perhatian serius oleh usahawan kecil Melayu jika mereka ingin meneruskan persaingan dalam pasaran sejagat.

Dalam Bab 2, Mohd Zulkifli Muhammad, Mohd Faisol Ibrahim, Goh Say Leng dan Tamrin Amboala mengingatkan bahawa bidang keusahawanan adalah sangat murni dari sisi Islam- sebuah agama yang merangkumi seluruh cara hidup. Aktiviti keusahawanan pernah menjadi sumber rezeki kepada para rasul yang mulia, termasuk Rasulullah saw. Namun begitu, penulis turut mengingatkan bahawa aktiviti keusahawanan tidak bebas daripada segala cabaran luaran dan dalaman. Lebih penting lagi, usahawan diingatkan supaya tidak menjalankan aktiviti keusahawanan bukan semata-mata untuk memaksimumkan keuntungan dunia, tetapi juga keuntungan akhirat yang kekal abadi.

Masalah usahawan Melayu untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan kerana kekangan modal memang diakui oleh pihak kerajaan dan agensi sokongan lain. Sehubungan ini, Rosman Mahmood dan Mohd Rosli Mohamad menyajikan isu mikrokredit dan keusahawanan kecil dalam Bab 3. Mereka mempamerkan perkembangan mikrokredit yang sangat memberangsangkan di seluruh dunia dan di negara ini. Mereka mengakui bahawa walaupun terdapat kelemahan dalam pelaksanaan program mikrokredit pada masa sekarang, sumber dana ini perlu diteruskan kerana ia telah berjaya mengubah nasib golongan miskin dan usahawan kecil.

Satu lagi punca kelemahan usahawan Melayu dalam dunia keusahawanan ialah kerana pengabaian mereka kepada sistem pengurusan yang baik. Dalam Bab 4, Wan Mohd Nazif Wan Mohd Nori mendedahkan kepentingan sistem akaun perniagaan, terutamanya sistem perakaunan berkomputer, dalam menentukan kejayaan sebuah perniagaan.

Dalam Bab 5, Zizah Che Senik dan rakan-rakan berhujah bahawa jaringan melalui institusi kerajaan, institusi perniagaan dan hubungan perseorangan penting dalam membawa enterpris kecil dan sederhana (EKS) ke peringkat antarabangsa. Walaupun mereka tidak menolak kepentingan peranan kerajaan, semua pihak termasuk usahawan perlu menggembungkan tenaga dalam menjayakan usaha pengantarabangsaan EKS.

Dengan mengkaji industri kitar semula, Mohd Rafi Yaacob melalui Bab 6 menawarkan model penentu kejayaan usahawan. Beliau merumuskan bahawa kejayaan seseorang usahawan adalah bergantung kepada pengalaman perniagaan, kelebihan sumber, motivasi yang tinggi dan strategi perniagaan. Walaupun model ini masih perlu diuji dan diperhalusi, ia boleh dijadikan panduan kepada usahawan dan bakal usahawan.

Muhammad Abi Sofian Abd Halim, Shaladin Muda dan Wan Abdul Aziz Wan Mohd Amin turut menawarkan model kejayaan usahawan. Melalui Bab 7, mereka membuktikan bahawa inovasi produk akan lebih berjaya dalam membantu perkembangan perniagaan jika komitmen perniagaan menjadi pembolehubah penghubung.

Model pembangunan pemasaran Islam dibincangkan oleh Ida Nadia Hamidon di dalam Bab 8. Walaupun bersifat umum, beliau percaya model ini dapat memberi panduan kepada usahawan Muslim kehidupan muamalah dan pada masa yang sama menjaga hubungan mereka dengan Allah swt.

Ida Nadia Hamidon dalam Bab 9 memaparkan hasil kajian kepuasan pengguna terhadap produk makanan dan minuman yang dikeluarkan oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Kedah. Beliau mendapati bahawa pengguna berpuashati terhadap strategi campuran pemasaran produk PKS, tetapi usaha penambahbaikan perlu terus dilakukan oleh PKS supaya produknya akan terus kekal bertahan di pasaran.

Satu kajian ciri-ciri personaliti dan kerohanian usahawan mikro di Kelantan telah dilakukan oleh Mohd Zain Mubarak, Asyraf Abdul Rahman dan Mohd Rafi Yaacob. Hasil kajian mereka dibentangkan dalam Bab 10. Mereka mendapati bahawa ilmu, kesedaran dan penghayatan terhadap elemen kerohanian Islam telah mempengaruhi tindakan dan kejayaan usahawan, khususnya dalam aktiviti keusahawanan.

Filzah Md Isa dan Siti Norezam Othman dalam Bab 11 membentangkan profil, keperluan dan masalah usahawan dan perusahaan kecil dan sederhana di Kedah. Bagi mereka segala maklumat ini dapat dijadikan input dalam usaha merangka pelan tindakan pembangunan usahawan dan menyelesaikan masalah yang dihadapi usahawan.

Norudin Mansor dan Zalinawati Abdullah membincangkan tentang faktor kesanggupan graduan Melayu menjadi usahawan di dalam Bab 12. Mereka mendapati bahawa faktor persekitaran, saikologi dan kewangan adalah faktor penting yang akan mempengaruhi kesanggupan graduan untuk memilih aktiviti keusahawanan sebagai karier apabila tamat pengajian kelak.

Penulis juga mengambil maklumat daripada buku *Usahawan Kecil Melayu : Isu dan Penyelesaian* yang ditulis oleh Dr. Mohd. Zainal Abidin dan Dr. Mohd. Firdaus bin Ahmad pada tahun 2003. Buku ini merupakan hasil kerjasama antara Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Islam Antarabangsa Sultan Syarif Kasim (UAS) dengan tujuan untuk memberi maklumat dan penyelesaian kepada para usahawan kecil dan sederhana di Malaysia. Buku ini terdiri daripada lima bab yang membincangkan tentang usahawan kecil dan sederhana di Malaysia. Bab pertama membincangkan tentang maklumat umum mengenai usahawan kecil dan sederhana di Malaysia. Bab kedua membincangkan tentang usahawan kecil dan sederhana di Malaysia. Bab ketiga membincangkan tentang usahawan kecil dan sederhana di Malaysia. Bab keempat membincangkan tentang usahawan kecil dan sederhana di Malaysia. Bab kelima membincangkan tentang usahawan kecil dan sederhana di Malaysia.